# Pelantikan TNC (Penyelidikan dan Inovasi) UPM yang baharu

Oleh: Khairul Anuar Muhamad Noh



PUTRAJAYA - Kementerian Pendidikan Tinggi mengumumkan pelantikan Profesor Dr. Zulkifli Idrus sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UPM selama tiga tahun mulai 15 April 2018 hingga 14 April 2021.

Pelantikan beliau dibuat dalam surat yang ditandatangani oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh pada 4 April 2018.

Prof. Dr. Zulkifli Idrus menggantikan mantan sejawatan, Prof. Dato' Dr. Husaini Omar yang dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada 1 Januari 2018.

Prof. Zulkifli adalah seorang profesor di Jabatan Sains Haiwan, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM). Beliau memulakan pengajian Doktor Perubatan Veterinar di UPM pada tahun 1984 dan kemudian melanjutkan pengajian Sarjana dalam bidang Sains Poltri di Universiti yang sama pada tahun 1990.

Beliau dilahirkan pada 7 April 1965 dan mendapat pendidikan di sekolah menengah La Salle Petaling Jaya. Beliau seterusnya memperolehi Ijazah Doktor Falsafah daripada Virginia Polytechnic Institute and State University, Amerika Syarikat pada tahun 1994 juga dalam bidang Sains Poltri. Zulkifli memulakan kerjaya sebagai Pensyarah di Jabatan Sains Haiwan, UPM pada tahun 1994 dan dinaikkan pangkat ke Profesor Madya pada tahun 1999 dan Profesor pada tahun 2004.

Prof. Zulkifli telah menumpukan kerjaya profesionalnya ke arah kecemerlangan dalam pengajaran dan penyelidikan bidang Sains Poltri dan Kebajikan Haiwan. Beliau telah menerima pelbagai geran penyelidikan awam, antarabangsa dan industri berjumlah lebih daripada RM 15 juta.

Pada tahun 2012 - 2017, beliau menerajui program "Long Term Research Grant Scheme" (LRGS) bidang nic sekuriti makanan bertajuk "Enhancing the competitiveness and sustainability of the poultry industry through improved feedstock" yang bernilai RM11.68 juta yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

LIHAT JUGA



Prof. Datin Paduka Dato' Dr. Aini
Hayat Akademik dan Veterinar
(/berita/prof_datin_paduka_dato_
njang_hayat_akademik_dan_vete



Pelantikan TNC (Penyelidikan dar
(/berita/pelantikan_tnc_penyelidik




ASEAN-ELT platform pendidik ko
(/berita/asean_elt_platform_pend
38857)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
1800 22 5587
+603 8948 7273
@ marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

B1524457566

Sepanjang perkhidmatan di UPM, Prof. Zulkifli telah dilantik sebagai Timbalan Pengarah (2003 - 2005) dan Pengarah (2004 – 2010) di Pusat Pengurusan Penyelidikan, dan Pengarah Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFoS) sejak 2010. Semasa kepimpinan beliau, ITAFoS telah diiktiraf sebagai sebuah "Higher Institution Centre of Excellence" (HICoE) dalam bidang nic "Tropical Agrifood" oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia pada 1 Januari 2017. Zulkifli juga ialah mantan Presiden "World Poultry Science Association" (cawangan Malaysia) (2012 -2017). - UPM



Kemaskini:: 19/04/2018 [hairul_nizam]

**PERKONGSIAN MEDIA**



**HUBUNGI KAMI**

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

1800 22 5587

+603 8948 7273

marketing@upm.edu.my



© 2018 Universiti Putra Malaysia

AACSB ACCREDITED

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

B1524457566